

AKHBAR : BERITA HARIAN

MUKA SURAT : 14

RUANGAN : NASIONAL

Kes HFMD meningkat 42.3 kali ganda di Perak

Ipoh: Peningkatan kes jangkitan penyakit kaki, tangan dan mulut (HFMD) menyebabkan 201 taska dan tadika di negeri ini ditutup sehingga minggu epidemiologi ke-23, iaitu sehingga 11 Jun lalu.

Pengerusi Jawatankuasa Kesihatan, Alam Sekitar, Sains dan Teknologi Hijau negeri, Mohd Akmal Kamarudin, berkata penutupan itu sama ada dibuat secara sukarela atau berpandukan Akta Pencegahan Kawalan Penyakit Berjangkit 1988 (Akta 342) sejak kes wabak HFMD berlaku di negeri ini.

"Bilangan penutupan tadika yang tertinggi ialah di Manjung dengan 67 premis, diikuti Kinta dengan 54 tadika," katanya ketika merasmikan Sambutan Hari Penderita Darah Sedunia Peringkat Negeri di Auditorium Hospital Raja Permaisuri Bainun (HRPB), di sini, semalam.

Mohd Akmal berkata, Perak mencatatkan peningkatan kepada 9,743 kes HFMD bermula awal tahun hingga Sabtu lalu



Mohd Akmal (tiga dari kanan) merasmikan Sambutan Hari Penderita Darah Sedunia Peringkat Negeri Perak di Auditorium HRPB, semalam. (Foto Balqis Jazimah Zahari/BH)

dan jumlah itu meningkat 42.3 kali ganda berbanding 225 kes pada tempoh sama tahun lalu.

"Kes HFMD tertinggi dilaporkan dalam kalangan kanak-kanak berusia enam tahun dan ke bawah, iaitu 8,551 kes (87.8 peratus), diikuti 1,008 kes (10.3 peratus) dalam kumpulan usia tujuh hingga 12 tahun dan 189 kes (1.9 peratus) membatikan usia melebihi 12 tahun," katanya.

Beliau berkata, 1,711

kes HFMD didaftarkan dalam tempoh bermula 5 Jun hingga 11 Jun lalu berbanding hanya 25 kes tempoh sama tahun lalu.

Katanya, dari segi pecahan Kinta merekodkan 489 kes, diikuti Larut Matang dan Selama (224 kes), Hilir Perak (217 kes), Manjung (205 kes), Mualim (150 kes), Batang Padang (95 kes), Perak Tengah (87 kes), Kampar (73 Kes), Kuala Kangsar (68 kes), Kerian (62 kes) dan Hulu Perak (41 kes).

AKHBAR : HARIAN METRO

MUKA SURAT : 5

RUANGAN : LOKAL

Kuala Lumpur: Sebanyak 13,777 kes harian baharu Covid-19 dilaporkan untuk seminggu ini (11 Jun - 17 Jun 2022) berbanding 10,978 kes minggu lalu (4 Jun hingga 10 Jun).

Kelmarin 17 Jun, kes harian baharu masih sekitar 2,000 iaitu sebanyak 2,130 kes, menjadikan kes aktif dengan kebolehhangkitan Covid-19 meningkat kepada 25,626 kes dan kes kumulatif sebanyak 4,536,795 kes.

Selangor kekal menyumbang kes harian tertinggi kelmarin dengan 776 diikuti Kuala Lumpur 553 kes, Pulau Pinang 168 kes, Perak 148 kes dan Sabah 115 kes.

Negeri-negeri lain melaporkan kes harian baharu dua angka iaitu Negeri Sembilan 82 kes, Johor 60 kes, Melaka 54 kes, Sarawak 53 kes, Kedah 44 kes, Pahang 26 kes, Putrajaya 22 kes, Terengganu 14 kes dan Kelantan 11 kes.

Sebuah negeri mencatat kes satu angka iaitu Perlis 4 kes, sementara Labuan sifar kes.

Berikut kes harian baharu Covid-19 sepanjang tempoh rangkuman mingguan 11 Jun hingga 17 Jun 2022: 11

Jun (1,709), 12 Jun (1,571), 13 Jun (2,092), 14 Jun (1,922), 15 Jun (2,320), 16 Jun (2,033) dan 17 Jun (2,130).

Rekod kes harian baharu Covid-19 (4 Jun hingga 10 Jun 2022): 4 Jun (1,591), 5 Jun (1,358), 6 Jun (1,330), 7 Jun (1,128), 8 Jun (1,518), 9 Jun (1,887) dan 10 Jun (2,166).

Sebanyak 1,080 kes sembuh Covid-19 dilaporkan sehingga pukul 11:59 malam 17 Jun 2022, menjadikan kes kumulatif sembuh sebanyak 4,45,438. Protokol prosedur operasi standard (SOP) Covid-19 dilonggarkan mulai 1 Mei 2022, termasuk pemakaian pelitup muka, penjarakan fizikal dan daftar masuk (check-in) menggunakan MySejahtera.

Malaysia kini berada dalam fasa peralihan ke endemik bermula 1 April 2022 sebagai *exit strategy* untuk membolehkan rakyat negara ini kembali semula kepada kehidupan yang hampir normal selepas dua tahun berperang dengan Co-

vid-19.

Sepanjang tempoh rangkuman mingguan ini juga, tiada sebarang kluster baharu dilaporkan.

Secara keseluruhannya, Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) mengesan sebanyak 7,015 kluster sejak pandemik Covid-19 melanda negara ini lebih dua tahun lalu. Setakat 16 Jun, hanya tinggal empat kluster yang masih aktif. Dengan sebanyak 4,536,795 kes kumulatif, Malaysia kini di tangga 25 daripada 228 buah negara/wilayah yang dilanda pandemik Covid-19. Di hadapan Malaysia ialah Republik Rakyat Demokratik Korea (DPRK) sebanyak 4,581,429 kes dan Portugal 5,005,783. Dalam kalangan 228 buah negara, mengikut data terkini Worldometer, Amerika Syarikat mencatat kes harian baharu tertinggi sebanyak 81,733 diikuti Taiwan 55,261 kes dan Perancis 50,605 kes.

Amerika Syarikat juga

mencatat angka kematian akibat Covid-19 tertinggi dengan 1,038,265 kes.

Sementara itu, data COVIDNOW KKM setakat pukul 11:59 mlm 17 Jun 2022 menunjukkan sebanyak 24,585 kes (95.9 peratus) dikuarantin di rumah daripada 25,626 kes aktif Covid-19 yang dilaporkan.

Sebanyak 13 kes (0.1 peratus) lagi di Pusat Kuarantin dan Rawatan Covid-19 (PKRC); 993 kes (3.9 peratus) di hospital; 16 kes (0.1 peratus) di Unit Rawatan Rapi (ICU) tanpa memerlukan Alat Bantuan Pernafasan (ABP) sementara 19 kes (0.1 peratus) di ICU memerlukan ABP.

Sementara itu, setakat 17 Jun 2022, hanya ada empat kluster aktif dalam negara. Jumlah kluster yang dikesan sejak pandemik Covid-19 melanda negara sebanyak 7,015 kluster. Tiada kluster baharu dilaporkan oleh KKM sepanjang tempoh rangkuman mingguan ini.

KKM SAMBUNG SEMULA PICKids PERCUMA

BERGANTUNG KEPADA PERMINTAAN KHAS

Oleh Shaiful Shahrin
Ahmad Pauzi
am@hmetro.com.my

Bagan Serai

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) akan menyambung semula Program Imunisasi Covid-19 Kebangsaan Kanak-Kanak (PICKids) percuma bergantung kepada permintaan khas.

Timbalan Menteri Kesihatan, Datuk Dr Noor Azmi Ghazali berkata, program PICKids yang berakhir pada 31 Mei lalu boleh dipertimbangkan semula khas untuk dilaksanakan di kawasan terpencil atau kawasan yang

tiada liputan komunikasi.

"Contoh di kawasan pedalaman seperti di Sabah dan Sarawak yang mana ramai dalam kalangan mereka tinggal di kawasan yang langsung tiada liputan komunikasi serta ketika mereka keluar dari kawasan pedalaman untuk menyertai program PICKids, malangnya program itu sudah tamat."

"Untuk kes khas begini, jawatankuasa kampung boleh mengumpulkan maklumat kanak-kanak yang ingin divaksin dan seterusnya memaklumkan kepada Jabatan Kesihatan Negeri (JKN) bagi mendapatkan program terbabit.

"Pegarah JKN akan membuat keputusan dan akan memberi tarikh dan masa bagi program itu," katanya selepas merasmikan Pertandingan Mernamah Tradisional Terbuka ATTAC (Abu Thalbah Traditional Achery Club) di Bandar Lembah Beriah, Bukit Merah di sini, semalam.

Baru-baru ini, media melaporkan KKM akan mengadakan semula PICKids secara percuma untuk tempoh lima hari bermula 20 hingga 24 Jun ini sempena Minggu Imunisasi Kebangsaan.

Ditanya mengapa KKM tidak meneruskan program itu sehingga hujung tahun ini, beliau menegaskan KKM

sudah memberi peluang kepada ibu bapa dengan menunda tarikh tamat program itu daripada 15 kepada 31 Mei lalu namun ia ibarat 'menanti buah yang tak gugur' kerana masih tidak ramai yang datang.

"Apabila orang tidak datang, masa kita agak terbuang. Pada masa sama, kita kena fokus juga kepada penyakit berjangkit dan tidak berjangkit seperti penyakit kaki, tangan dan mulut (HFMD) selain denggi yang

kian meningkat.

"KKM sebenarnya bimbang terhadap kanak-kanak yang tidak divaksin apabila kes meningkat atau ada varian baru," katanya.

"Apabila orang tidak datang, masa kita agak terbuang"
Dr Noor Azmi



AKHBAR : SINAR HARIAN

MUKA SURAT : 16

RUANGAN : SINAR PLUS



Kurang bijak dalam pembelajaran?

- Benarkah si kecil yang tidak mendapat susu mencukupi boleh memberi kesan kepada perkembangan minda mereka?
- Apa pula implikasi-implikasi negatif lain jika terlebih minum susu?



Oleh NUR SUHAIMA NORDIN

MENAFIKAN susu sebagai sumber terbaik untuk perkembangan anak-anak sejak lahir sememangnya tidak wajar.

Menurut portal *MyHealth*, susu merupakan sumber nutrisi utama yang perlu diberikan kepada si kecil pada peringkat awal pertumbuhan dan harus diamilkan sepanjang usia.

Justeru, sempena Hari Susu Sedunia yang disambut baru-baru ini, *SinarPlus* akan mengupas secara terperinci kepentingan susu kepada bayi dan kanak-kanak dengan mewawancara Pakar Perunding Pediatrik dan Laktasi, Sunway Specialist Centre Damansara, Dr Tengku Putri Zainab Tengku Ab Malek.

Senada dengan semua doktor di dunia ini, Dr Tengku Putri Zainab berkata, susu memainkan peranan yang besar dalam tumbesaran dan perkembangan kanak-kanak.

Ia mengandungi protein yang berfungsi untuk membina, mengekal dan memperbaiki tisu di dalam badan. Setiap hari, si kecil amat digalakkan untuk mengambil dua hingga tiga hidangan protein, katanya.

Selain itu, minuman berkenaan juga kaya dengan nutrien dan mengandungi pelbagai vitamin dan mineral termasuk kalsium dan vitamin D.

Kalsium ujar beliau, diperlukan untuk pembentukan tulang dan juga gigi.

"Pengambilan kalsium daripada susu adalah penting untuk mengelakkan daripada osteoporosis (tulang rapuh) apabila si kecil dewasa kelak dan vitamin D penting untuk badan menyerap kalsium itu," katanya sambil menambah, susu juga mengandungi mineral lain seperti fosforus, vitamin A, D, B12, *riboflavin* dan *niacin*.

Cecair yang hidup

Kepada satu soalan, Dr Tengku Putri Zainab berkata, susu ibu mengandungi kandungan zat yang ideal dan mencukupi bagi seorang bayi.

Ujarnya, Pertubuhan Kesihatan Sedunia menyarankan agar bayi diberi susu ibu secara eksklusif pada enam bulan pertama dan diteruskan bersama makanan pelengkap pada umur enam bulan hingga berusia dua tahun.

"Walaupun dengan teknologi terkini, syarikat susu formula tidak dapat mengeluarkan susu yang dapat menandingi kandungan susu ibu yang kompleks," katanya.

Beritahu pakar itu lagi, susu ibu begaikan satu cecair yang hidup.

"Ia boleh berubah mengikut keadaan semasa bayi. Apabila bayi tidak sihat, badan ibu akan menjana lebih banyak antibodi dan sel darah putih yang akan ke susu ibu agar dapat membantu bayi melawan jangkitan itu. Susu formula tidak dapat bertindak begitu rupa," jelasnya.

Dr Tengku Putri Zainab kemudian memperincikan komponen-komponen yang berfaedah yang terdapat dalam susu ibu. Antaranya seperti:

- i. Antibodi yang melindungi jangkitan penyakit.
- ii. Sel darah putih yang membantu untuk melawan jangkitan.
- iii. Hormon untuk mengawal selera bayi.
- iv. Bakteria baik yang melindungi sistem pencernaan bayi.
- v. Prebiotik iaitu *oligosaccharide* yang menyokong kesihatan usus.
- vi. Asid lemak yang membantu dalam pembentukan otak, saraf dan mata.
- vii. Enzim untuk menyokong sistem pencernaan dan imuniti.

Susu ibu juga kata pakar tersebut, mengurangkan risiko jangkitan telinga tengah dan paru-paru, cirit-birit termasuk sindrom bayi meninggal secara mengejut.

Meskipun susu formula untuk kanak-kanak mengandungi vitamin A dan D, zat besi, zink, DHA dan prebiotik seperti galakto-oligosakarida dan frukto-oligosakarida, terdapat perbezaan ketara.

"Pun demikian, dari segi persamaan, kedua-duanya dapat memberi sumber tenaga, hidrasi dan juga nutrisi pada bayi. Namun, apa yang boleh dikatakan, dengan pelbagai jenis formulasi susu tepung yang dipasarkan, ia tidak akan dapat menandingi kebaikan susu ibu," katanya sambil menambah, bayi yang lahir hingga umur enam bulan cuma perlu diberi susu, tanpa air putih.

Dalam perkembangan berkaitan, Dr Tengku Putri Zainab menerangkan, walaupun susu merupakan sumber nutrisi yang baik, ia tidak boleh diambil secara berlebihan.

"Mengapa? Pertama, sekiranya diminum terlalu banyak, kanak-kanak boleh kenyang susu dan tidak mahu makan makanan yang lain yang mengandungi nutrisi penting berbeza dengan susu.

"Kedua, ia berupaya mencetuskan anemia disebabkan kurang zat besi kerana kanak-kanak perlukan zat besi daripada makanan lain," jelasnya.

Pada masa sama, masalah sembelit juga boleh terjadi kerana susu tidak mengandungi serat.

Jelas pakar tersebut lagi, susu tenusu ataupun susu segar boleh diberi kepada si cilik selepas umur satu tahun.

"Jika diberi awal, risiko pendarahan pada usus boleh berlaku. Susu tenusu atau susu segar juga mempunyai kandungan protein dan mineral yang tinggi yang tidak boleh ditampung oleh buah pinggang



Apabila mereka tidak mengambil sarapan pagi dengan susu contohnya, kanak-kanak ini akan lapar di sekolah dan ia akan mengurangkan

prestasi kognitif seperti daya tumpuan, daya ingatan, memproses paparan visual yang kompleks dan penyelesaian masalah."

-Dr Tengku Putri Zainab Tengku Ab Malek



SEDIKAN sarapan pagi bersama susu untuk meningkatkan daya tumpuan, ingatan dan pemrosesan visual anak-anak ketika mereka di sekolah.

AKHBAR : SINAR HARIAN

MUKA SURAT : 17

RUANGAN : SINAR PLUS

bayi," kongsinnya.

Implikasi

Menjawab pertanyaan tentang alternatif minuman yang boleh diberikan kepada bayi sekiranya seseorang ibu tidak dapat memberi susu kepada si anak lantaran kekangan penyakit seperti *Polycystic ovarian syndrome*, tekanan darah tinggi ataupun pendarahan yang banyak, demikian reaksi beliau.

"Pilihan lain mungkin memberi susu dari badan penderma. Boleh jadi daripada adik beradik, ipar ataupun



DR ANNE

sahabat rapat yang bersetuju untuk menjadi ibu susuan kepada bayi itu. "Sekiranya tiada susu penderma, maka bolehlah menggunakan susu formula yang bersesuaian dengan umur bayi itu. Pun begitu, penyusuan susu ibu perlulah diteruskan apabila ibu sudah bersedia. Setiap titis susu ibu itu amat berharga."

Dalam pada itu, Pakar Perunding Kanak-Kanak, Klinik Pakar Kanak-Kanak Dr Anne, Sri Kota Specialist Medical Centre, Dr Anne Yeoh berkata, berdasarkan kajian yang diterbitkan dalam *American Journal of Clinical Nutrition*, susu penuh lemak dapat mengurangkan kebarangkalian obesiti kanak-kanak, berbanding dengan susu skim.

Mengenal kanak-kanak yang enggan menikmati susu langsung, walaupun tidak mempunyai sebarang alergi, Dr Anne mengesyorkan agar ibu bapa memujuk si kecil mencuba susu berperisa strawberi, coklat dan lain-lain.

Selain itu, cuba tambahkan produk

SUSU yang mencukupi penting untuk memastikan anak membesar dengan sihat.

tenusu seperti keju atau produk susu lain ke dalam masakan harian, cadang beliau.

Pakar itu turut mengingatkan kepada ibu bapa atau penjaga bahawa bayi

sesekali tidak boleh diberi minum susu lembu atau susu kambing yang tidak diproses kerana kandungan garam yang berlebihan dan mungkin mengandungi kuman.

"Bayi hanya boleh diberi susu ibu ataupun susu formula yang telah diluluskan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia. Namun, produk tenusu seperti yogurt boleh diberikan kepada bayi yang berumur enam bulan ke atas sahaja," katanya.

Adakah bayi atau kanak-kanak yang tidak mendapat susu yang mencukupi boleh memberi kesan kepada perkembangan minda mereka seperti kurang bijak dalam pembelajaran? Menjawab pertanyaan itu, *SinarPlus* kembali mendapatkan Dr Tengku Putri Zainab.

Terang beliau, kajian menunjukkan jika kanak-kanak tidak mengambil makanan yang tertentu dengan mencukupi seperti buah-buahan, sayur-sayuran, susu dan produk tenusu termasuk kekurangan nutrien seperti vitamin A, B6, B12, C, asid folik, zat besi, zink dan kalsium, golongan itu akan lebih cenderung memiliki prestasi yang kurang memuaskan di sekolah.

"Kekurangan nutrien juga telah menunjukkan kanak-kanak ini cenderung untuk tidak ke sekolah dan juga lewat masuk ke kelas.

"Apabila mereka tidak mengambil sarapan pagi dengan susu contohnya, kanak-kanak ini akan lapar dan ia akan mengurangkan prestasi kognitif seperti daya tumpuan, daya ingatan, memproses paparan visual yang kompleks dan penyelesaian masalah," akhirnya.

ANEKDOT**FAKTA tambahan tentang susu**

- Berdasarkan Garis Panduan Pemakanan Kanak-Kanak dan Remaja Malaysia, Kementerian Kesihatan (2013), kanak-kanak berumur setahun ke atas perlu mengambil susu atau produk tenusu dua hingga tiga hidangan dalam sehari.
- Berdasarkan *Recommended Nutritional Intake* di Malaysia, kanak-kanak berumur satu hingga tiga tahun memerlukan 500 miligram (mg) kalsium setiap hari. Keperluan itu semakin meningkat mengikut umur kanak-kanak itu iaitu 1,000mg kalsium sehari apabila umur mencecah 10 hingga 12 tahun.
- Satu cawan susu sama ada susu penuh krim, susu rendah lemak atau susu skim yang mengandungi 300mg kalsium.
- American Academy of Paediatrics* juga menyarankan agar kanak-kanak berumur satu hingga dua tahun mengambil dua gelas susu setiap hari. Kepada yang berusia 3 tahun ke atas, perlu minum tiga gelas susu setiap hari.

INFO susu rendah lemak dan susu tepung penuh krim

- Kedua-duanya mempunyai kandungan protein dan kalsium yang sama.
- Cuma susu rendah lemak mempunyai kurang kalori dan kurang lemak (tidak lebih daripada 1.5 gram lemak dalam 100 milliliter susu 1.5 peratus).
- Susu tepung penuh krim ialah susu yang telah dikeringkan dan ditukar menjadi tepung.
- Jika susu tepung dicampurkan dengan air dalam sukatan yang betul, minuman susu itu mempunyai nilai pemakanan yang sama seperti susu segar atau susu yang telah dipasteur.
- Keperluan pemakanan kanak-kanak adalah berbeza berbanding dengan orang dewasa yang biasanya bertumpu untuk mengurangkan jumlah lemak, lemak tepu, lemak trans dan kolesterol.
- Lemak dalam susu penuh krim merupakan nutrien penting yang akan membekalkan kanak-kanak tenaga atau kalori yang diperlukan untuk tumbesaran dan perkembangan yang sihat. Maka, lemak dalam susu tidak harus dihindarkan untuk kanak-kanak.
- Susu rendah lemak ataupun tanpa lemak (susu skim), tidak disarankan untuk kanak-kanak.
- Apabila lemak disingkirkan daripada susu, nutrien penting seperti asid lemak dan vitamin turut hilang (vitamin A, D, E, K) juga akan tersingkir. Oleh itu, kanak-kanak boleh mengambil susu penuh krim.
- Namun, jika si kecil mempunyai masalah berat badan yang berlebihan, ataupun obesiti, susu rendah lemak perlu diberi selepas berunding dengan doktor atau pegawai pemakanan.

Susu ibu dapat beri impak positif pada kelakuan anak

TERDAPAT banyak andalan yang timbul di sebalik penggunaan susu formula dalam kalangan bayi. Antara cakap-cakap nakal yang sering kedengaran adalah si kecil bakal mempunyai perangai yang agak agresif dan anak jika tidak diberi susu ibu.

Tidak mahu andalan itu terus menjadi pendebatan, *SinarPlus* mengajukan pertanyaan tersebut kepada Pakar Perunding Pediatrik dan Laktasi, Sunway Specialist Centre Damansara, Dr Tengku Putri Zainab Tengku Ab Malek.



NURUL INTAN

Terlebih dahulu, jelas pakar itu, terdapat beberapa kajian kecil yang menunjukkan kanak-kanak yang diberi susu ibu selama lebih daripada tiga bulan didapati mempunyai kurang risiko untuk masalah tingkah laku ketika kecil, waima pada zaman remaja.

"Hipotesisnya adalah kita tahu bahawa penyusuan ibu dapat menggalakkan jalinan kasih sayang di antara ibu dan anak dengan rembesan hormon kasih sayang dan ini secara tak langsung membantu dalam perkembangan emosi dan psikologi si cilik.

"Ibu juga kurang berasa stres dan murung apabila memberi susunya. Dengan memberi susu dalam jangka masa

yang lama, ia dapat menguatkan lagi jalinan kasih sayang dengan anak, sekali gus dapat memberi impak yang positif pada kelakuan anaknya," katanya.

Menurut beliau, susu ibu juga mengandungi komposisi yang penting seperti asid lemak yang berperanan dalam perkembangan mental, psikomotor dan fungsi otak serta saraf tunjang kanak-kanak yang mungkin memberi peranan dalam mengurangkan kebarangkalian masalah perangai mereka.

"Pun begitu, agak sukar juga untuk kita buat kesimpulan yang susu formula itu akan memberi impak yang negatif pada kelakuan kanak-kanak kerana ada pelbagai faktor lain yang memainkan peranan dalam perkembangan emosi kanak-kanak.

"Contohnya adalah seperti interaksi si kecil dengan ibu bapa, persekitaran dengan keluarga, kesihatan badan dan juga mental ibu selepas bersalin," katanya.

SinarPlus turut mendapatkan seorang ibu, Nurul Intan Ahmad Mahmood, 27, yang berpengalaman menyusukan sendiri susunya dan susu formula kepada tiga zuriatnya.

Ujar Nurul Intan, dua orang anaknya yang kini berusia tiga dan lima tahun sudah minum susu formula sepenuhnya. Sementara, si bongsu yang berusia tiga bulan diberi susu badan.

"Pada kebiasaannya, mereka akan minum satu hingga tiga botol sekali. Bagi bayi yang baru lahir, selang sejam hingga dua jam sekali," katanya. ☺



AKHBAR : KOSMO
MUKA SURAT : 4
RUANGAN : NEGARA

PICKids dibuka semula jika ada permintaan khas

BAGAN SERAI - Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) akan membuka semula Program Imunisasi Covid-19 Kebangsaan Kanak-Kanak (PICKids) bergantung kepada permintaan khas.

Timbalan Menteri Kesihatan, Datuk Dr. Noor Azmi Ghazali, berkata, program itu dapat dibuka jika ada permintaan seperti tiada capaian komunikasi di sesuatu kawasan.

"Program PiCKids telah berakhir pada penghujung bulan Mei yang lalu dan KKM tidak lagi bercadang untuk melanjutkan program tersebut.

"Sekiranya ada permintaan khas dari rakyat di satu satu tempat yang berkehendakan PICKids, maka KKM akan mempertimbangkannya untuk dilaksanakan di tempat itu, jelasnya.

Beliau berkata demikian selepas merasmikan Program Pertandingan Memanah Tradisional Terbuka Abu Thalhah Traditional Archery

Club (ATTAC) di Lembah Beriah di sini semalam.

Menurut Noor Azmi, permintaan khas yang dimaksudkan seperti kawasan pendalaman yang tiada liputan telekomunikasi.

"KKM akan mempertimbangkan membuka operasi PICKids sekiranya ada permintaan khas dari penduduk yang tinggal di kawasan pendalaman seperti contohnya di Sabah dan Sarawak.

"Mereka ini boleh mengemukakan permintaan khas itu kepada Jabatan Kesihatan Negeri masing-masing.

Terdahulu, media melaporkan KKM akan mengadakan semula PICKids secara percuma untuk tempoh lima hari bermula 20 hingga 24 Jun ini sempena minggu Imunisasi Kebangsaan.

Tambah Noor Azmi, pihaknya akan membuka semua klinik kesihatan di seluruh negara untuk memberikan suntikan vaksin percuma kepada kanak-kanak yang terlepas PICKids pada masa yang lalu.

AKHBAR : SINAR HARIAN

MUKA SURAT : 9

RUANGAN : NASIONAL

PICKids akan dibuka semula bergantung permintaan khas

BAGAN SERAI - Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) akan menyambung semula Program Imunisasi Covid-19 Kebangsaan Kanak-Kanak (PICKids) bergantung kepada permintaan khas.

Timbalan Menteri Kesihatan, Datuk Dr Noor Azmi Ghazali berkata, langkah itu bagi memberi peluang kepada mereka yang tinggal di kawasan pedalaman untuk mendapatkan suntikan vaksin percuma selepas program itu berakhir 31 Mei lalu.

"Kita tidak akan buka dan sekiranya ada permintaan khas, ia (PICKids) dibuat sempena peng-

iktirafan Minggu Imunisasi Kebangsaan yang diadakan di Sabah untuk diberikan kepada mereka yang belum mencapai umur lima tahun sehingga hujung tahun ini serta mereka yang tidak mendapat suntikan vaksin kerana dijangkiti Covid-19," katanya di sini pada Sabtu.

PICKids telah dimulakan pada Februari tahun ini bagi kanak-kanak berusia lima hingga 12 tahun dan dihentikan pada 31 Mei lepas.

Dr Noor Azmi berkata, mereka yang berkenaan boleh mendaftar menerusi aplikasi MySejahtera

untuk membuat janji temu bagi tujuan vaksinasi.

"Kita memberi peluang ini kepada mereka yang tinggal di pedalaman dan menghadapi masalah internet seperti di Sabah, apabila mereka keluar (untuk menyertai PICKids) didapati imunisasi sudah tidak ada (tamat)," katanya.

Beliau berkata, orang ramai boleh mendapatkan vaksinasi sempena Minggu Imunisasi Kebangsaan bermula 20 hingga 24 Jun ini di semua klinik kesihatan seluruh negara secara jumpa terus. - *Bernama*

AKHBAR : NEW STRAITS TIMES

MUKA SURAT : 6

RUANGAN : NEWS/NATION

COVID-19 PANDEMIC

Active cases rise to 25,626 on Friday

KUALA LUMPUR: There are 25,626 Covid-19 infections in the country up to Friday, as cumulative active cases have been on the rise since June 12.

The total number of active cases was 22,384 on June 12, which rose to 22,594 on Monday and 22,950 on Tuesday.

The figure increased to 23,880 on June 15 and 24,576 on June 16.

On Friday, 2,130 new infections and 1,049 recoveries were recorded. One death was logged in Sarawak.

Of the 25,626 cases, 24,585 are undergoing home quarantine, 993 receiving hospital treatment, 35 are at intensive care units (ICUs) and 13 are at quarantine and treatment centres (PKRCs).

Of the ICU cases, 19 are ventilated.

On Friday, 490 cases were admitted to hospitals, a jump from the 377 the previous day.

The number of children who had received a dose of the Covid-19 vaccine stood at 1,736,469.

On the same day, 122 adults received their first dose of the vac-

cine, 319 completed their second dose and 1,247 got their booster shot.

Up to yesterday, 99 per cent of the adult population had received their first dose, 97.8 per cent had received two doses and 68.5 per cent got their booster shots.

Meanwhile, Bernama reported that Deputy Health Minister Datuk Dr Noor Azmi Ghazali said the ministry would hold the National Covid-19 Immunisation Programme for Children (PICK-ids) again if there were requests.

He said this would enable rural folk to get free vaccinations after the programme had ended on May 31.

"If there is a request, we will hold it in conjunction with the National Immunisation Week in Sabah, especially for children who are under 5 and people who have yet to get their dose of the vaccine."

He said this while officiating an archery competition at the Bandar Lembah Beriah field in Bagan Serai, Perak, yesterday.



Deputy Health Minister Datuk Dr Noor Azmi Ghazali trying his hand at archery in Bagan Serai, Perak, yesterday. BERNAMA PIC

Dr Noor Azmi said those interested in it could register via the MySejahtera application to get an appointment for their vaccination.

"We are giving this opportunity to those living in remote areas,

such as Sabah's interior, where people face Internet issues and have difficulties getting their dose after the programme ended."

He said village committees could help by gathering the details of residents and discussing

with the state Health Department director on organising a programme.

He said the public could also get their vaccination at clinics during the National Immunisation Week from June 20 to 24.

AKHBAR : THE STAR

MUKA SURAT : 7

RUANGAN : NATION

Most new Covid-19 cases 'mild'

Less than 1% under Categories 3, 4 and 5, says DG

By GERARD GIMINO
gerard.gimino@thestar.com.my

PETALING JAYA: Less than 1% of Covid-19 cases reported daily are under Categories 3, 4 and 5, says Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah.

The Health director-general said although the number of daily cases ranged between 1,000 and 2,300 for the past two weeks, the total number of those in intensive care units and requiring ventilation remained "low and manageable".

"There is a slight increase in hospital admission rate for Categories 3 to 5, which rose from 1.1 to 1.2 per 100,000 of the population, but it is manageable," he said when contacted.

However, Dr Noor Hisham said in line with Malaysia's transition to endemicity, cases were expected to fluctuate, depending on festivals or holiday celebrations.

"We are monitoring this trend closely through the Heightened Alert System and will provide an immediate response in case there is any rise in cases," he said.

On the new Omicron BA.4, BA.5 and BA.2.12.1 variants, Dr Noor Hisham said current information from the World Health Organisation indicated no observed increases in severity.

"The two reported cases of Omicron BA.5 and a single case of BA.2.12.1 in Malaysia similarly presented minimal to no symptoms, and raises little concern.

"However, there is still a need to be vigilant. We will continue to enhance surveillance and perform genomic sequencing," he said.

He said any potential outbreaks could be prevented through the practice of public health and social measures by the people.

"This includes the TRIIS (Test, Report, Isolate, Inform and Seek) concept, performing physical distancing whenever possible, wearing masks in enclosed and crowded places, alongside practicing personal and environmental hygiene.

"Apart from positive cases being required to isolate, close contact too must continue to take precautionary measures and test themselves immediately if they developed symptoms.

"This can stop the transmission of infections and prevent potential outbreaks," he said, adding that those who were eligible for vaccination should get their jabs soonest.

On Friday, Malaysia recorded 2,130 new Covid-19 infections, bringing the accumulated number to 4,536,795 cases since the pandemic began.

StarProperty
AWARDS 2022
REAL ESTATE DEVELOPER
VIRTUAL SHOWCASE



Scan to view Property Showcase

Live Now

Property Showcase
at your fingertips
15 June - 14 July

There was one fatality, bringing the total to 35,731.

The ministry's CovidNow portal showed 83.2% of the total population and 97.8% of the adult population had received both doses.